

FALSAFAH DAN KONSEP REKA BENTUK BAJU FORMULA 1 UiTM

	<p>Konsep keseluruhan reka bentuk baju Formula 1 UiTM digarap berdasarkan falsafah, visi dan misi UiTM.</p> <p>Penerapan konsep dan falsafah terhadap reka bentuk diharapkan dapat memberi kefahaman dan pengertian sebenar kepada pemakainya.</p> <p>Keseragaman pemakaian baju Formula 1 UiTM ini juga merupakan manifestasi akan keserakanan dan kesepakatan serta kefahaman yang jitu warga UiTM terhadap peranan, tugas dan amanah warga terhadap universiti.</p>
	<p>Warna ungu di kiri dan kanan bahu merupakan warna identiti UiTM. Perletakan warna ungu pada bahu merupakan perlambangan akan tugas, tanggungjawab dan amanah yang digalas oleh setiap warga UiTM agar falsafah, visi dan misi universiti tercapai.</p> <p>Setiap warga hendaklah memahami dan menghayati dengan sebenar-benarnya bahawa tugas dan amanah yang digalas adalah seiring dengan sumpah janji dan ikrar yang telah dilafazkan dan dimeterai.</p>
	<p>Warna kuning selari di dada merupakan perlambangan akan kecintaan dan kesetiaan warga terhadap UiTM.</p> <p>Kecintaan dan kesetiaan yang tertanam di dalam dada merupakan manifestasi warga akan tanggungjawab, tugas dan amanah yang dilaksanakan adalah demi agama, bangsa dan negara.</p>
	<p>Seperti peribahasa, "biar putih tulang, jangan putih mata", garisan putih di kiri dan kanan lengan memerihalkan makna peribahasa tersebut. Oleh itu perjuangan membela anak bangsa terletak di tangan kita yang perlu dilaksanakan sesungguh hati. Semangat kita perlu jitu dan tidak boleh lalai dan alpa bagi memastikan warisan tidak ternilai peninggalan pemimpin-pemimpin kita terdahulu ini terpelihara dan berterusan.</p>



Perletakan tagline UiTM di hatiku dilengkan kanan merupakan pernyataan yang jelas akan kesetiaan warga terhadap universiti keramat ini dengan bertunjangkan syariat agama dan budaya bangsa.